

HIJRAH: KEWAJIPAN YANG DIPINGGIRKAN

Kita masih lagi rancak merayakan Ma'al Hijrah. Hijrah Rasulullah saw dan para sahabat ke Madinah adalah merupakan satu langkah strategik kepada umat Islam untuk mencari kekuatan. Bukan sahaja dapat melepaskan umat Islam Mekah dari ditindas oleh kafir Musyrik malah Rasulullah saw dapat mengenal pasti kualiti umat Islam yang sanggup berhijrah dengannya, yang telah mengorbankan segala yang ada pada mereka demi untuk bersama dengan Rasulullah saw di Madinah. Di Madinah pula Rasulullah saw dapat bergerak dengan bebas dan baginda mengambil peluang ini untuk menyusun kekuatan barisan muslimin berdasarkan pengalamam dan latarbelakang mereka sebelum ini. Begitu pentingnya peristiwa Hijrah di dalam sejarah Islam sehingga ia pasti akan disambut setiap tahun tanpa jemu dengan mengambil pengiktibaran dari peristiwa ini.

Ternyata mereka yang berhijrah dengan Rasulullah saw ialah orang yang telah dipersiapkan oleh Nabi saw dari segi mental dan spiritualnya. Mentalnya sudah diasakkan agar sanggup menerima kesusahan dan halangan kerana Hijrah mereka di dalam keadaan miskin dan meninggalkan segala harta dan pangkat serta kedudukan yang ada. Mereka perlu memulakan penghidupan baru di Madinah dengan meninggalkan segala kemewahan dan kesenangan yang sudah mereka kecapai di Mekah. Begitu juga dengan pembinaan akidah yang mantap di dalam jiwa menyebabkan mereka tidak gentar dengan kemiskinan dan kesusahan lalu meyakini bahawa bumi ini di wariskan hanya kepada orang-orang yang beriman. Ternyata umat yang berhijrah ini akhirnya menjadi umat yang terbaik dan akhirnya menguasai kemewahan, kekuasaan, pangkat, dan harta yang kesemuanya ditundukkan dengan kalimah Laailahailallah Muhammadur Rasulullah.

Lalu di manakah kita hari ini? Kita menyeru Hijrah di lakukan hanya dari sudut spiritual kerana itu yang paling mudah diseru dan dilakukan oleh setiap individu sehingga setengah dari umat Islam gagal melihat Hijrah dari konsep yang sebenar. Sekali pun Islam merupakan suatu dasar hidup yang sempurna bersifat dinamik dan progresif tetapi umat Islam mundur. Umat Islam sedang menghadapi tiga masaalah penting dalam percaturan kuasa politik, ekonomi dan budaya dunia. Tiga permasalahan itu ialah: 1. Kejahilan 2. Kemiskinan 3. Keadaan kesihatan yang lemah.

Menurut laporan terbaru daripada *Labour and Manpower Report*, ternyata bahawa keahlian orang Melayu dalam bidang professional hanya sebanyak **27.6 peratus** berbanding dengan 46.8 peratus orang-orang Cina dan 25.6 peratus kaum India. Ini bermakna orang-orang India yang bilangannya tidak sampai 10 % mempunyai kedudukan yang jauh lebih baik dalam bidang professional berbanding dengan bangsa Melayu.

Apabila berlaku kejahilan dalam bidang ilmu pengetahuan maka dengan sendirinya dua perkara yang berikutnya iaitu kemiskinan dan kemerosotan prestasi kesihatan pasti berlaku. Natiujahnya ialah kelemahan dan kemunduran umat Islam itu sendiri. Islam ialah agama yang mengesahkan alam dunia sebagai berguna (*world affirmative*). Islam menganjurkan manusia supaya sentiasa berusaha dan menggunakan segala akal fikirannya untuk menerokai rahsia alam dan kemudiannya dimanfaatkan bagi kebahagiaan dan kepentingan seluruh umat manusia. Dunia dianggap sebagai gelanggang untuk manusia berjuang dan mengharungi perjalanan

Selamat Menyambut Ma'al Hijrah 1426

**Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Surau Al-Ulum KD9
Kota Damansara, Selangor, mengucapkan
Selamat Menyambut Ma'al Hijrah, kepada semua ahli
kariah dan semua umat Islam seluruhnya. Semuga seluruh
umat Islam diberi kekuatan agar sedia berhijrah kearah
yang lebih cemerlang sepanjang 1427H ini. Amin.**

hidupnya. Alam itu hendaklah diterokai dengan penuh rasa tanggungjawab. Manusia sebagai khalifah Allah, bertanggungjawab terhadap Allah SWT dalam segala usaha dan tindakannya. Islam bukan agama yang menolak dan menafikan dunia. Penafian kepada dunia (*world denying*) bukanlah ajaran Islam yang asli dan murni. Islam menganjurkan supaya menjadikan dunia ini sebagai syurga dalam erti memberi jaminan kebahagiaan, keamanan, kedamaian, ketenteraman, dan kesejahteraan hidup lahir dan batin. Pada waktu yang sama mentaati Allah dan rasulNya.

Nyata sekali bahawa antara kebendaan dengan kerohanian menurut ajaran Islam yang sebenar adalah merupakan satu kesatuan yang padu dan tidak mungkin dapat dipisahkan. Keduanya wujud dalam kesatuan seperti yang digambarkan oleh pujangga Islam yang terkenal Allahyarham Dr Muhammad Iqbal sebagai *The two sides of the same coin*. Justeru itu menurut ajaran Islam tidak timbul soal pemisahan secara mutlak antara soal kerohanian dan kebendaan. Penghayatan kerohanian mestilah di hayati secara sekaligus dengan penghayatan kehidupan keduniaan. Segala aktiviti kehidupan harian, selama ia selari dengan prinsip Islam, adalah dianggap sebagai aktiviti keagamaan dan bersifat Islam yang sekaligus telah merangkumi sebahagian besar daripada kehidupan kerohanian.

Aktiviti kerohanian bukanlah satu aktiviti yang tersendiri dan terpisah dari aktiviti kebendaan atau keduniaan. Oleh itu pembangunan umat menurut perspektif Islam sekaligus mestilah merangkumi aspek pembangunan kebendaan dan kerohanian dalam bentuknya yang tauhid dan bersepadu. Dari sudut ini sebenarnya umat Islam adalah umat yang sangat bertuah kerana mempunyai satu dasar hidup, pandangan dan konsep pembangunan yang sempurna. Seharusnya umat Islam menjadi umat contoh dan umat yang paling bahagia hidupnya di dunia dan di akhirat.

Petikan Al-Quran/Hadith

"Dan orang-orang yang sabar kerana mencari keredaan Tuhannya, mendirikan solat, dan menafkahkan sebahagian rezeki yang Kami berikan kepada mereka, secara sembunyi atau terang-terangan serta menolak kejahatan dengan kebaikan; orang itulah yang mendapat tempat kesudahan (yang baik), (yaitu) syurga. Adn yang mereka masuk ke dalamnya bersama-sama dengan orang-orang yang soleh dari bapak-bapaknya, isteri-isterinya dan anak cucunya, sedang malaikat-malaikat masuk ke tempat-tempat mereka dari semua pintu."

- Maksud Surah Ar-Ra'd ayat 22-23

Empat belas perkara sunat dilakukan pada Hari Asyura (10 Muharram)

1. Melapangkan masa/belanja anak isteri. Fadilatnya - Allah akan melapangkan hidupnya pada tahun ini.
2. Memuliakan fakir miskin. Fadilatnya - Allah akan melapangkannya dalam kubur nanti.
3. Menahan marah. Fadilatnya - Di akhirat nanti Allah akan memasukkannya ke dalam golongan yang redha.
4. Menunjukkan orang sesat. Fadilatnya - Allah akan memenuhi cahaya iman dalam hatinya.
5. Menyapu/mengusap kepala anak yatim. Fadilatnya - Allah akan mengurniakan seponon pokok di syurga bagi tiap-tiap rambut yang disapunya.
6. Bersedekah. Fadilatnya - Allah akan menjauhkannya daripada neraka sekadar jauh seekor gagak terbang tak berhenti-henti dari kecil sehingga ia mati. Diberi pahala seperti bersedekah kepada semua fakir miskin di dunia ini.
7. Memelihara kehormatan diri. Fadilatnya - Allah akan mengurniakan hidupnya sentiasa diterangi cahaya keimanan.
8. Mandi Sunat. Fadilatnya - Tidak sakit (sakit berat) pada tahun itu. Lafaz niat: "Sahaja aku mandi sunat hari Asyura kerana Allah Taala."
9. Bercelak. Fadilatnya - Tidak akan sakit mata pada tahun itu.
10. Membaca Qulhuwallah hingga akhir 1,000X. Fadilatnya - Allah akan memandangnya dengan pandangan rahmah di akhirat nanti.
11. Sembahyang sunat empat rakaat. Fadilatnya - Allah akan mengampunkan dosanya walau telah berlarutan selama 50 tahun melakukannya. Lafaz niat: "Sahaja aku sembahyang sunat hari Asyura empat rakaat kerana Allah Taala." Pada rakaat pertama dan kedua selepas Fatihah dibaca Qulhuwallah 11X.
12. Membaca "has biallahu wa nik mal wa keel, nikmal maula wa nikmannaseer".
13. Menjamu orang berbuka puasa. Fadilat - Diberi pahala seperti memberi sekalian orang Islam berbuka puasa.
14. Puasa. Niat - "Sahaja aku berpuasa esok hari sunat hari Asyura kerana Allah Taala." Fadilat - Diberi pahala seribu kali Haji, seribu kali umrah dan seribu kali syahid dan diharamkannya daripada neraka.

sambungan dari muka 1 - Hijrah

Tetapi mengapa umat Islam hari ini melihat Islam dalam skopnya yang sempit? Ini adalah kerana mereka malas berhijrah walaupun untuk diri mereka sendiri. Umat Islam tidak faham hatta dalam urusan agamanya sendiri lalu mengambil jalan mudah dengan memekik nama Allah, berslogan agama dan memilih kerohanian semata-mata lalu bersedia mati kononnya untuk syahid tanpa mengenal tempat dan musuh. Kalau begini untuk apa Rasulullah saw berhijrah dan membina kekuatan Umat di Madinah. Cukup sahaja mereka yang berhijrah ini hidup di masjid-masjid di Madinah dan menanti waktu sembahyang dengan taat dan di beri makan dengan menagih simpati orang lain.

Pada hari ini ceramah hijrah hanya menjadi acara tahunan di surau-surau. Gerakan besara-besaran mengubah minda dan hati masyarakat perlulah di buat untuk Hijrah yang lebih berkesan. Tidak guna seperti kata pepatah "Menang sorak, kampung tergedai". Masyarakat perlu memahami dasar-dasar kerajaan dan dasar ekonomi negara demi untuk merebut segala sumber peluang yang ada dengan bersungguh-sungguh walau pun terpaksa bersaing dengan sesiapa sahaja. Mental kita mesti dipersiapkan. Istilah kalah tidak ada dalam kamus hidup kita. Yakin dengan ilmu yang mantap dan akidah yang kukuh, kita akan dapat mempertahankan tanah air ini dan segala sumber nikmatnya dari dikuasai oleh bangsa asing. Wallahualam.

Peristiwa-peristiwa penting dalam bulan Muharram

1. Muharam - Khalifah Umar Al-Khattab mula membuat penetapan kiraan bulan dalam Hijrah.
2. 10 Muharam - Dinamakan juga hari 'Asyura'. Pada hari itu banyak terjadi peristiwa penting yang mencerminkan kegemilangan bagi perjuangan yang gigih dan tabah bagi menegakkan keadilan dan kebenaran. Pada 10 Muharam juga telah berlaku:

- Nabi Adam bertaubat kepada Allah.
- Nabi Idris diangkat oleh Allah ke langit.
- Nabi Nuh diselamatkan Allah keluar dari perahunya sesudah

bumi ditenggelamkan selama enam bulan.
- Nabi Ibrahim diselamatkan Allah dari pembakaran Raja Namrud.

- Allah menurunkan kitab Taurat kepada Nabi Musa.
- Nabi Yusuf dibebaskan dari penjara.
- Penglihatan Nabi Yaakob yang kabur dipulihkan Allah SWT.

- Nabi Ayub dipulihkan Allah dari penyakit kulit yang dideritanya.

- Nabi Yunus selamat keluar dari perut ikan paus setelah berada

di dalamnya selama 40 hari 40 malam.
- Laut Merah terbelah dua u

- dan pengikutnya dari tenter
- Kesalahan Nabi Daud diampu
- Nabi Sulaiman dikurniakan Al
- Hari pertama Allah menciptak
- Hari Pertama Allah menurunkan hujan.

PESANAN
Kami dengan berbesar hati menerima pesanan sdr/sdri. sekalian agar mengemukakan keperluan yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan Allah menjadikan alamin.
- KK Penerbitan & Komunikasi/ Allah menjadikan malaikat Jibril.

Jadual Pengajar Maghrib Surau Al Ulum KD9

Tarikh	Pengajar	Subjek
01/02 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi (KISAS)	Tafsir
02/02 (Khamis)	YAASIN/TAHLIL	-
03/02 (Jumaat)	Ust. Azizi (As-Sahabah)	Feqah
04/02 (Sabtu)	Ust. Syed Nazli (Penang)	Umum
05/02 (Ahad)	Ust. Mohamad Amin Al Buntari	Tajwid
06/02 (Isnin)	Ust Hamzah	Tauhid
07/02 (Selasa)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
08/02 (Rabu)	Ust. Zainuddin Abu Bakar	Feqah
09/02 (Khamis)	YAASIN/TAHLIL	-
10/02 (Jumaat)	Ust. Karuzaman	Tauhid
11/02 (Sabtu)		
12/02 (Ahad)	Ust Mohamad Amin AlBuntari	Tajwid
13/02 (Isnin)	Ust. Halim Din (PZS)	Hadith
14/02 (Selasa)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
15/02 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi	Tafsir
16/02 (Khamis)	YAASIN/TAHLIL	-
17/02 (Jumaat)	Ust. Azizi (As-Sahabah)	Feqah
18/02 (Sabtu)	Ust. Reduan Mohd Nor	Umum
19/02 (Ahad)	Ust Mohamad Amin AlBuntari	Tajwid
20/02 (Isnin)	Ust Hamzah	Tauhid
21/02 (Selasa)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
22/02 (Rabu)	Ust. Zainuddin Abu Bakar	Feqah
23/02 (Khamis)	Ust. Abdullah Osman Iraqi	Hadis
24/02 (Jumaat)	Ust. Karuzaman	Tauhid
25/02 (Sabtu)	Ust. Mohd Fauza Ali	Umum
26/02 (Ahad)	Ust Mohamad Amin AlBuntari	Tajwid
27/02 (Isnin)	Ust Hamzah	Tauhid
28/02 (Selasa)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf